

PENGAJARAN DARIPADA
AL-MUTAFFIFIN

التفصير

USTAZ MUSTAZAH BAHARI

Pengenalan

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Yang mencipta alam dengan sifat-sifat-Nya yang sempurna.

Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w yang membawa Rahmah ke seluruh alam.

Syukur kepada Allah s.w.t yang memberi nikmat peluang untuk memberi sokongan dan khidmat kepada Darul Tafsir, Masjid Alkhair bagi menjayakan projek penghasilan bahan-bahan tafsir dan tadabbur al-Quran.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada kepimpinan Masjid Alkhair yang memberi peluang dan kepercayaan kepada penulis untuk berkongsi sedikit ilmu yang dikurniakan Allah bagi menjayakan projek ini.

Usaha kerdil ini bertujuan untuk mengajak kaum muslimin dan muslimat kepada tadabbur ayat-ayat al-Quran yang diturunkan khas untuk umat Muhammad s.a.w.

Ia berpenampilan ringkas untuk mudah memahami intipati yang ingin disampaikan kepada kita. Ia ibarat jambatan untuk meneroka tafsiran lanjut yang boleh didapati dari kitab-kitab tafsir yang ulung. Para pembaca yang ingin mengetahui lebih lanjut akan perincian ayat-ayat yang dibaca, boleh merujuk kepada pelbagai kitab tafsir yang sedia ada.

Metodologi

Bagi memastikan usaha ini berpandukan tafsiran yang betul, penulis telah mengambil beberapa rujukan asas dari kitab-kitab tafsir yang berwibawa seperti, Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Qurtubi, Aysar al-Tafasir dan yang lain-lain.

Dari sudut terjemahan pula, penulis merujuk kepada beberapa terjemahan secara fizikal dan online. Selanjutnya penulis melakukan olahan yang sesuai untuk memberikan maksud yang lebih mudah difahami menurut konteks bahasa Melayu.

Penulis tidak menghuraikan lebih lanjut ayat-ayat yang jelas dan *straightforward*. Memadai dengan membaca terjemahan untuk memahami maksud ayat. Jika terdapat keperluan untuk menghuraikan lebih lanjut maksud dari sesuatu perkataan atau ayat, ia diletak di bahagian nota kaki secara ringkas.

Usaha ini pasti tidak sempurna. Pasti ada banyak lagi panduan yang boleh dikongsi. Hanya yang diharapkan agar ia dapat menarik perhatian para pembaca untuk

mengetahui lebih lanjut apakah lagi ilmu-ilmu yang terkandung dalam tafsiran ayat-ayat al-Quran yang boleh dijadikan pedoman untuk diamalkan.

Akhir kalam, segala yang baik datang dari Allah, yang lemah dan serba kekurangan datang dari insan yang kerdil lagi hina ini. Semoga apa yang diusahakan mendapat Rahmat dan Redha Allah s.w.t.

Mustazah Bahari

Rabiulawal 1445.

Surah al-Mutaffifin

(golongan yang menipu dalam timbangan/sukatan)

Pengenalan

Surah Makkiyah mengandungi 36 ayat

Kelebihan surah al-Mutaffifin

Tiada periwayatan yang sahih daripada Nabi s.a.w mengenai kelebihan surah al-Mutaffifin secara khusus. Namun secara umumnya, setiap ayat dan surah di dalam al-Quran adalah mukjizat serta petunjuk kebaikan bagi seluruh manusia.

Sebab turunnya surah al-Mutaffifin

Menurut Imam Ibn Kathir di dalam kitab tafsirnya, Ibn Abbas r.a. mengatakan bahawa ketika Nabi s.a.w tiba di Madinah, sebahagian penduduk Madinah terkenal dengan sifat menipu dalam hal timbangan. Maka Allah s.w.t menurunkan firman-Nya: "*Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang penipu.*" Setelah itu mereka menjadi orang-orang yang baik dalam menggunakan timbangan. (H.R. al-Nasa'i dan Ibn Majah)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Firman Allah

وَيَا لِّلْمُطَفِّفِينَ (١) الَّذِينَ إِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ (٢) وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ (٣)
أَلَا يَظُنُّ أُولَئِكَ أَنَّهُمْ مَبْعُوثُونَ (٤) لِيَوْمٍ عَظِيمٍ (٥) يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ (٦)

Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang penipu. 2. (yaitu) mereka yang apabila menerima sukatan dari orang lain mereka minta dipenuhi. 3. Dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi (pula). 4. Tidakkah orang-orang itu sedar bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan. 5. Pada suatu hari yang besar. 6. (Pada) hari manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam.

Tadabbur Ayat

Islam menitik beratkan soal keadilan dan kesejahteraan untuk setiap umat manusia. Setiap kebiasaan masyarakat yang berat sebelah dan zalim tidak akan dibiarkan berleluasa. Dalam soal jual beli banyak melibatkan wang, harta, aset yang bernilai dan bermanfaat. Di situ juga terdapat cabarannya untuk manusia berlaku adil dalam menguruskannya. Jika diikut sifat tamak haloba, sudah pasti nafsu akan mengajak untuk mendapatkan lebih secara tidak sah dan adil. Namun, jiwa yang penuh keimanan pasti akan mengajak dirinya kepada jalan yang selamat dan diredhai Allah s.w.t kerana semua nikmat yang diberi akan dipersoalkan kelak di hari akhirat.

Aplikasi Ayat

- ❖ Didik jiwa untuk berlaku jujur dalam segala aspek kehidupan.
- ❖ Sentiasa ingat bahawa setiap nikmat dan kelebihan yang diberi di dunia ini akan dipersoalkan kelak di akhirat.

Firman Allah

كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْفُجَّارِ لَفِي سِجِّينٍ (٧) وَمَا أَدْرَاكَ مَا سِجِّينٌ (٨) كِتَابٌ مَرْقُومٌ (٩) وَإِلَّا يَوْمَئِذٍ
لِّلْمُكَذِّبِينَ (١٠) الَّذِينَ يُكذِّبُونَ بِيَوْمِ الدِّينِ (١١) وَمَا يُكذِّبُ بِهِ إِلَّا كُلُّ مُعْتَدٍ أَثِيمٍ (١٢) إِذَا تُتْلَى
عَلَيْهِ آيَاتُنَا قَالَ أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ (١٣) كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ (١٤) كَلَّا إِنَّهُمْ عَنْ
رَبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَمَّحْجُوبُونَ (١٥) ثُمَّ إِنَّهُمْ لَصَالُو الْجَحِيمِ (١٦) ثُمَّ يُقَالُ هَذَا الَّذِي كُنْتُمْ بِهِ تُكَذِّبُونَ (١٧)

7. Sese kali jangan (menipu), kerana sesungguhnya kitab orang yang derhaka tersimpan dalam Sijjin¹. 8. Tahukah kamu apakah Sijjin itu? 9. (Ia adalah) kitab yang bertulis². 10. Kecelakaan yang besar pada hari itu bagi orang-orang yang mendustakan. 11. (iaitu) mereka yang mendustakan hari pembalasan. 12. Dan tidak ada yang mendustakan hari pembalasan itu melainkan setiap orang yang melampaui batas lagi berdosa. 13. Apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, dia berkata, "Itu adalah dongengan orang-orang yang dahulu." 14. Sekali-kali bukan (demikian)³, sebenarnya apa yang selalu mereka usahakan⁴ itu menutup hati mereka. 15. Sekali-kali tidak, sesungguhnya mereka pada hari itu benar-benar terhalang dari (melihat) Tuhan mereka⁵. 16. Kemudian, sesungguhnya mereka benar-benar masuk neraka. 17. Kemudian, dikatakan (kepada mereka), "Inilah azab yang dahulu selalu kamu dustakan."

¹ Ada yang berpendapat bahawa Sijjin adalah kolam di neraka Jahannam. Pendapat lain pula mengatakan bahawa Sijjin adalah tempat paling bawah di bumi ke tujuh yang merupakan tempat kembali orang-orang yang inkar. Menurut Imam Ibn Kathir, Sijjin diambil dari kata *sijn* yang bermaksud sempit. Kerana semua makhluk setiap kali ke bawah, maka tempatnya semakin sempit, sedangkan jika semakin ke atas, maka (tempatnya) semakin luas. Begitulah tempat kembali golongan yang inkar iaitu neraka Jahannam yang tempatnya berada di paling bawah atau rendah.

² Kitab catitan amalan golongan yang inkar yang menjadi bukti dan hujah ke atas mereka sehingga mengheret mereka jauh ke dalam neraka Jahannam.

³ Tidak benar apa yang kamu dakwakan. Bahkan ayat-ayat Allah adalah benar dan membawa kepada hak dan kebaikan.

⁴ Segala keburukan dan kejahatan yang mereka lakukan di dunia.

Dari Abu Hurairah r.a., sabda Rasulullah s.a.w: "Sesungguhnya seorang hamba apabila melakukan suatu dosa maka akan diberikan titik hitam di hatinya, dan jika dia bertaubat lalu meninggalkan dosa itu, dan memohon ampun maka hatinya akan dibersihkan kembali. Namun jika ia kembali melakukan dosa itu maka titik hitamnya akan bertambah hingga menutupi hatinya. Itulah 'Ra'an' yang disebutkan Allah dalam al-Qur'an." (H.R. al-Turmuzi)

⁵ Ayat ini sebagai dalil bahawa di akhirat kelak manusia yang beriman akan melihat Allah s.w.t seperti firman Allah di dalam surah al-Qiyamah ayat 22-23 yang bermaksud, "Wajah-wajah pada hari itu berseri-seri. (Ketika) memandang/melihat Tuhan mereka."

Al-Husain bin al-Fadhli berkata, "Sebagaimana Allah menutup hati-hati orang kafir dari cahaya Tauhid di dunia, Dia pun menutupi pandangan mata mereka dari melihat kepada-Nya pada hari kiamat".

Tadabbur Ayat

Hidup ini bukan hanya untuk menikmati segala nikmat yang diberi tetapi ia disertakan dengan tanggungjawab yang menuntut agar nikmat-nikmat itu disyukuri dengan melaksanakan apa yang diperintah Allah s.w.t. Bagi golongan yang inkar dan tidak menggunakan nikmat Allah dengan betul, dia akan mendapat balasan yang buruk di akhirat kelak. Lebih teruk lagi kalau nikmat-nikmat Allah digunakan untuk menentang kuasa dan perintah-Nya serta melakukan kezaliman ke atas orang lain.

Aplikasi Ayat

- ❖ Jadikan paparan sikap orang yang inkar sebagai tauladan, jangan diikuti kerana akhirnya akan membinasakan.
- ❖ Capailah nikmat yang terindah dan teristimewa iaitu dapat melihat Allah s.w.t di syurga dengan sentiasa mentaati perintah-Nya dan ikhlas dalam beramal.

Firman Allah

كَلَّا إِنَّ كِتَابَ الْأَبْرَارِ لَفِي عِلِّيِّينَ (١٨) وَمَا أَدْرَاكَ مَا عِلِّيُّونَ (١٩) كِتَابٌ مَرْفُومٌ (٢٠) يَشْهَدُهُ الْمُقَرَّبُونَ (٢١) إِنَّ الْأَبْرَارَ لَفِي نَعِيمٍ (٢٢) عَلَى الْأَرَائِكِ يَنْظُرُونَ (٢٣) تَعْرِفُ فِي وُجُوهِهِمْ نَضْرَةَ النَّعِيمِ (٢٤) يُسْقَوْنَ مِنْ رَحِيقٍ مَخْتُومٍ (٢٥) خِتَامُهُ مِسْكٌَ وَفِي ذَلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ الْمُتَنَافِسُونَ (٢٦) وَمِرَاجُهُ مِنْ تَسْنِيمٍ (٢٧) عَيْنًا يَشْرَبُ بِهَا الْمُقَرَّبُونَ (٢٨)

18. Sekali-kali tidak⁶, sesungguhnya kitab orang-orang berbakti itu (tersimpan) dalam "Illiyin. 19. Tahukah kamu apakah 'Illiyin itu? 20. (Ia adalah) kitab yang bertulis. 21. Yang disaksikan oleh malaikat-malaikat yang dekat (kepada Allah). 22. Sesungguhnya orang yang berbakti itu benar-benar berada dalam kenikmatan yang besar (syurga). 23. Mereka (duduk) di atas pelamin-pelamin sambil memandangi⁷. 24. Kamu dapat mengetahui dari wajah mereka kesenangan hidup mereka yang penuh kenikmatan. 25. Mereka diberi minum dari khamr suci yang ditutup rapi (bekasnya)⁸. 26. Penutupnya⁹ adalah kasturi; dan untuk yang demikian itu hendaklah manusia berlumba-lumba (untuk mendapatkan nikmat itu). 27. Dan campuran khamr suci itu adalah tasnim, 28. (iaitu) mata air yang diminum darinya oleh orang-orang yang didekatkan kepada Allah.

Tadabbur Ayat

Keadilan yang Allah tetapkan bagi Diri-Nya dan seterusnya bagi alam ciptaan-Nya. Bagi manusia yang melakukan kebaikan secara berterusan sudah pasti mendapat balasan yang terbaik di sisi Allah. Nikmat syurga yang disediakan untuk golongan beriman adalah teramat istimewa sehingga dapat melupakan segala kesusahan yang dialami di dunia. Tiada apa yang lebih istimewa melainkan Rahmat dan Redha Allah s.w.t di akhirat kelak kerana di situlah segalanya bersifat abadi.

Aplikasi Ayat

- ❖ Jadikan ayat-ayat mengenai nikmat syurga ini sebagai pemangkin dan motivasi untuk terus mencapai keredhaan Allah s.w.t.

⁶ Penafian berganda untuk menolak dakwaan golongan yang inkar bahawa ayat-ayat Allah adalah dongengan semata-mata. Bahkan apa yang Allah janjikan kepada golongan yang beriman pula adalah benar.

⁷ Memandang Allah s.w.t, itulah nikmat terbesar bagi orang-orang beriman.

⁸ Menurut sebahagian ahli tafsir, setiap arak yang disajikan kepada ahli syurga adalah eksklusif, iaitu tidak pernah dibuka dan tidak dikongsi oleh ahli syurga yang lain.

⁹ Ada pendapat lain yang mengatakan bahawa maksud penutup yang berbau kasturi adalah wanigan kasturi yang akan timbul di penghujung minuman itu.

- ❖ Bersegera melakukan apa jua kebaikan kerana ganjarannya lebih baik dan istimewa.

Firman Allah

إِنَّ الَّذِينَ أَجْرَمُوا كَانُوا مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا يَضْحَكُونَ (٢٩) وَإِذَا مَرُّوا بِهِمْ يَتَغَامَزُونَ (٣٠) وَإِذَا انْقَلَبُوا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ انْقَلَبُوا فَكِهِينَ (٣١) وَإِذَا رَأَوْهُمْ قَالُوا إِنَّ هَؤُلَاءِ لَضَالُّونَ (٣٢) وَمَا أُرْسِلُوا عَلَيْهِمْ حَافِظِينَ (٣٣) فَالْيَوْمَ الَّذِينَ آمَنُوا مِنَ الْكُفَّارِ يَضْحَكُونَ (٣٤) عَلَى الْأَرَائِكِ يَنْظُرُونَ (٣٥) هَلْ تُؤْتِبُ الْكُفَّارَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ (٣٦)

29. Sesungguhnya orang-orang yang melakukan kejahatan, adalah mereka yang dahulunya (di dunia) mentertawakan¹⁰ orang-orang yang beriman. 30. Dan apabila orang-orang yang beriman lalu di hadapan mereka, mereka saling mengenyitkan¹¹ matanya. 31. Dan apabila orang-orang berdosa itu kembali kepada kaumnya, mereka kembali dengan gembira¹². 32. Dan apabila mereka melihat orang-orang mukmin, mereka mengatakan, "Sesungguhnya mereka itu benar-benar orang-orang yang sesat.¹³ 33. Sedangkan orang-orang yang berdosa itu tidak dikirim pun sebagai penjaga bagi orang-orang mukmin¹⁴. 34. Maka pada hari ini¹⁵ orang-orang yang beriman mentertawakan orang-orang kafir. 35. Mereka (duduk) di atas pelamin-pelamin sambil memandang¹⁶. 36. Bukankah orang-orang kafir telah diberi ganjaran (berbentuk balasan azab) terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan?

Tadabbur Ayat

Sikap manusia yang suka menentang juga membuatnya mudah untuk memperlekeh dan menghina manusia lain yang menurut perintah dan melakukan kebaikan. Manusia jenis ini telah terpedaya dengan kelebihan duniawi yang dipinjamkan oleh Allah kepada mereka sehingga tidak nampak kelemahan diri

¹⁰ Di antara pembesar Quraisy yang mengejek dan menghina adalah Abu Jahal, al-Walid bin al-Mughirah dan al-'Ash bin Wa'il al-Sahmi. Mereka mentertawakan Ammar, Shuhaib, Bilal dan lainnya dari golongan orang Islam yang miskin.

¹¹ Sebagai tanda mengejek dan menghina.

¹² Seperti tiada perasaan rasa bersalah atau malu terhadap perbuatan jahat mereka itu.

¹³ Siapakah mereka untuk memperkatakan tentang kesesatan orang lain sedangkan mereka lah golongan yang sesat.

¹⁴ Bukan tugas mereka untuk menjaga dan menentukan kebenaran atau kesalahan amalan orang-orang mukmin.

¹⁵ Hari kiamat/akhirat.

¹⁶ Memandang ke arah golongan yang diazab sebagai tanda penghinaan semula ke atas mereka.

sendiri. Perbuatan seperti itu hanya membawa kebinasaan ke atas mereka di dunia dan akhirat. Apa sahaja perbuatan manusia yang bersifat zalim di dunia ini akan diberi balasan yang setimpal di akhirat kelak, maka sentiasalah berwaspada.

Aplikasi Ayat

- ❖ Elak dari menghina orang lain, tidak kira siapa pun dia.
- ❖ Elak dari sifat sombong kerana ia membinasakan.
- ❖ Jadilah pendakwah yang mengajak kepada kebaikan. Jangan jadi pendakwa yang menghukum dan menilai orang lain secara tidak adil.

والله أعلم

Terima Kasih

HARAP ARTIKEL INI DAPAT MEMBERI
MANFAAT KEPADA ANDA

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat,
rezeki yang halal dan baik, serta amal yang diterima.



**TERIMA KASIH
KERANA
MENYUMBANG
KEPADA PROJEK
TAFSIR 30 JUZ INI.**

Sokongan anda amat dihargai

Follow us on:  darultafsir.ak

DARUL TAFSIR AL-KHAIR